

# Hospital UMS pelawa orang ramai isi kekosongan jawatan

NST 29.6.2019 4

KOTA KINABALU: Hospital Pengajar Universiti Malaysia Sabah (HUMS) mempelawa orang ramai yang berminat dan berke Layakan untuk mengisi pelbagai kekosongan jawatan merangku mi jawatan-jawatan klinikal iaitu Jururawat, Pegawai Farmasi, Penolong Pegawai Perubatan, Penolong Pegawai Farmasi dan Juru X-ray.

Menurut kenyataan HUMS, sejumlah 364 perjawatan telah diluluskan kerajaan pada tahun ini sebagai persediaan awal operasi hospital itu pada Disember 2020.

“Adalah dijangkakan kumpulan pertama kakitangan HUMS ini akan dapat melapor diri pada Oktober 2019.

“Sehubungan itu, individu yang layak dan mempunyai keperib adian yang baik sangat dialu-alukan memohon sesuai dengan visi HUMS untuk menjadi peneraju kepada penjagaan kesihatan termaju dan kesejahteraan melalui pemeraksanaan,” demikian menurut kenyataan tersebut.

Kenyataan itu memaklumkan permohonan boleh dibuat melalui <http://ejobs.ums.edu.my/ejobs>.

HUMS dijangka turut akan menerima kelulusan bagi pengam bilan kedua kumpulan kakitangan daripada kerajaan bagi tahun 2020 untuk memastikan operasi hospital itu dapat berjalan lancar pada hari pertama pembukaannya nanti.